Jabatan Perangkaan
MALAYSIA

# Laporan Tahunan
# 2017



Jabatan Perangkaan
MALAYSIA

# Laporan Tahunan 2017




Cetakan Pertama, 2018
Hakcipta Terpelihara © Jabatan Perangkaan Malaysia

Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian rencana, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa-apa bentuk dan dengan apa juga cara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Jabatan Perangkaan Malaysia.

Penerbit
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
Blok C6, Kompleks C, Presint 1,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
65214 Putrajaya Malaysia.

Tel : +603 8885 7000
Faks : +603 8888 9248
Laman web : www.dosm.gov.my
E-mel : jpbkkp@dosm.gov.my

# Kandungan

iv **PERUTUSAN**

1 **PROFIL KORPORAT DOSM**

**2** Tadbir Urus **6** Maklumat Korporat **14** Organisasi DOSM

21 **AKTIVITI UTAMA DOSM**

**22** Data **23** Rangka Statistik **24** Konsultansi/Rundingan Teknikal

25 **PENCAPAIAN SIGNIFIKAN 2017**

**26** Penerbitan **32** Peristiwa **39** Anugerah **40** Diari DOSM 2017

47 **MODAL INSAN DAN PEMBANGUNAN KAPASITI**

**48** Perjawatan

53 **MODENISASI DAN INOVASI STATISTIK**

**54** Visualisasi Data **56** Aplikasi Mudah Alih **57** *National Enterprise Wide Statistical Systems*

61 **KOMUNIKASI DALAM MERAKYATKAN STATISTIK**

**62** Medium Penyebaran Statistik **66** Statistik Bersama Komuniti **76** Lawatan Agensi dan Organisasi

**79** Pameran **81** Perjanjian Persefahaman DOSM

83 **KE ARAH ORGANISASI STATISTIK TERBILANG DI DUNIA**

**84** DOSM di Peringkat Global

89 ***WORK LIFE BALANCE***

117 **CABARAN DAN ASPIRASI 2018**

# PERUTUSAN

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Salam Sejahtera, Salam Negaraku Malaysia, Salam 1 Statistik

Alhamdullillah. Segala puji kepada Ilahi kerana dengan izinNya, Laporan Tahunan 2017 Jabatan Perangkaan Malaysia dapat diterbitkan. Penerbitan ini adalah kompilasi informasi dan pencapaian penting Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) bagi tahun 2017.

## PENCAPAIAN 2017

Tahun 2017 menyaksikan DOSM telah menempa pelbagai kejayaan yang signifikan di Malaysia dan persada antarabangsa seiring dengan visi DOSM iaitu menjadi sebuah organisasi statistik yang terbilang di dunia menjelang tahun 2020. Tahun ini juga amat bermakna kerana saya telah diberi kepercayaan untuk memimpin DOSM sebagai Ketua Perangkawan Malaysia bermula 14 Februari 2017.

Menghasilkan produk dan perkhidmatan statistik memerlukan perancangan yang komprehensif, modenisasi yang kreatif serta usaha yang intensif. Sepanjang tahun 2017, sebanyak 317 keluaran statistik telah dihasilkan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 59 produk baru telah diterbitkan seperti *Labour Productivity*, *Social Accounting Matrix* dan Statistik Pemerkasaaan Wanita.

DOSM mengambil langkah proaktif selari dengan perkembangan teknologi yang sedang berlaku. Medium penyebaran statistik telah diperluaskan kepada aplikasi mobil, *BizCode@Stats* dan *MyLocalStats* yang telah dilancarkan pada 11 Mei 2017 bagi membolehkan pengguna mengakses kod piawaian klasifikasi dan maklumat statistik sehingga ke peringkat daerah.

DOSM terus menerima pengiktirafan dalam menghasilkan produk statistik yang berintegriti dan *reliable* yang dapat memberikan manfaat kepada negara secara keseluruhannya. Pada 7 September 2017, Institut Latihan Statistik Malaysia telah dirasmikan oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah.

Pada tahun ini juga, kerajaan telah mengisytiharkan 20 Oktober setiap tahun sebagai Hari Statistik Negara (HSN). Buat pertama kalinya, sambutan HSN telah diadakan pada 20 Oktober 2017 dan dihadiri oleh pelbagai agensi kerajaan dan swasta, penyelidik, pelajar dan komuniti. Sambutan HSN telah diadakan di seluruh negara dengan pelbagai aktiviti, seperti *StatsASEAN Run*, *Stats Amazing Race* dan Sesi Literasi Statistik Bersama Komuniti sepanjang bulan Oktober. Sebagai penutup kepada sambutan ini, Mini Karnival Statistik telah diadakan bermula 23 hingga 26 Oktober 2017.

Malaysia terus menempa nama di persada antarabangsa khususnya bidang statsitik dengan menjadi tuan rumah bagi *62nd World Statistics Congress of the International Statistical Institute* (ISI WSC) di Kuala Lumpur pada 18 hingga 23 Ogos 2019. Dalam usaha mempersiapkan Malaysia sebagai tuan rumah ISI WSC 2019, sesi penyerahan penganjuran Kongres Statistik Antarabangsa telah disempurnakan semasa 61st ISI WSC di Maraketh, Morrocco pada 21 Julai 2017. Mesyuarat *Preparatory 62nd ISI WSC* bersama Presiden ISI juga telah diadakan pada 27 dan 28 November 2017 di KLCC dengan melibatkan kesemua ahli jawatankuasa yang terlibat dalam penganjuran kongres ini.

## KEJAYAAN 2017

2017 turut melakarkan kejayaan bermakna kepada DOSM apabila portal rasmi, www.dosm.gov.my, telah menerima penarafan 5 bintang semasa *Provider-based Evaluation* (ProBE) 2016. Pembangunan StatsDW yang merupakan *Enterprise Data Warehouse* pula telah merangkul tempat pertama Kategori ICT bagi Anugerah Inovasi Jabatan Perdana Menteri tahun 2016.

*"DOSM mengambil langkah proaktif selari dengan perkembangan teknologi yang sedang berlaku. Medium penyebaran statistik telah diperluaskan kepada aplikasi mobil, BizCode@Stats dan MyLocalStats yang telah dilancarkan pada 11 Mei 2017 bagi membolehkan pengguna mengakses kod piawaian klasifikasi dan maklumat statistik sehingga ke peringkat daerah."*



## PENUTUP

Pencapaian dan kejayaan DOSM sepanjang tahun 2017 adalah hasil usaha warga DOSM yang mengamalkan nilai-nilai teras yang telah digariskan. Saya amat berbesar hati dapat bekerja bersama-sama dengan warga DOSM yang profesional dan dedikasi dalam penghasilan pencapaian dan kejayaan DOSM 2017.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih dirakamkan kepada:

a) seluruh warga DOSM untuk usaha gigih dan komitmen dalam menghasilkan produk dan perkhidmatan DOSM serta melaksanakan aktiviti DOSM sepanjang tahun 2017;
b) responden terpilih yang telah memberikan kerjasama berterusan dalam menjayakan banci dan penyiasatan yang dilaksanakan oleh DOSM; dan
c) semua pihak yang terlibat dalam memastikan DOSM mencapai sasaran kerja yang telah ditetapkan pada tahun 2017 bagi memenuhi keperluan kerajaan, *stakeholder* dan pengguna.

Melalui komitmen, usaha dan kolaborasi semua pihak ini, saya yakin DOSM akan lebih berupaya untuk mendepani cabaran pada tahun 2018 dan memberi manfaat yang lebih signifikan khususnya dalam bidang statistik, ekonomi dan big data di Malaysia dan antarabangsa.

Sekian, terima kasih.

**YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin**
Ketua Perangkawan Malaysia
2018

Jabatan Perangkaan
MALAYSIA

# Profil Korporat DOSM



# TADBIR URUS

## PUNCA KUASA DOSM

**Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) ditubuhkan pada tahun 1949 di bawah peruntukan *Statistics Ordinance* 1949 dan dikenali sebagai Biro Statistik.**

*Statistics Ordinance* 1949 telah dimansuhkan dan digantikan dengan Akta Perangkaan 1965. Di bawah akta ini, Biro Statistik dikenali sebagai Jabatan Perangkaan dan diketuai oleh Ketua Perangkawan. Akta Perangkaan 1965 telah disemak semula pada tahun 1989. Fungsi Jabatan dinyatakan dengan jelas di bawah Seksyen 2(2):

> *"Fungsi-fungsi Jabatan ini adalah untuk mengumpulkan dan mentafsirkan perangkaan-perangkaan bagi maksud memperlengkapi maklumat yang dikehendaki dalam membentuk atau menjalankan dasar Kerajaan dalam apa-apa bidang atau selainnya yang dikehendaki bagi maksud-maksud Kerajaan atau bagi memenuhi keperluan-keperluan perdagangan, komers, perindustrian atau pertanian (termasuk perhutanan, perikanan dan perburuan)."*

Tadbir urus statistik secara amnya berteraskan *United Nations Fundamental Principles of Official Statistics* yang menggariskan prinsip asas untuk diamalkan oleh organisasi statistik negara dalam mengeluarkan statistik rasmi.

Statistik rasmi merupakan teras kepada proses pembentukan dasar sosio ekonomi negara. DOSM menghasilkan statistik yang berintegriti dan *reliable* dalam bidang ekonomi, sosial, demografi dan alam sekitar.

Keberhasilan daripada produk dan perkhidmatan perangkaan ini adalah *statistical evidence* yang digunakan terutamanaya oleh kerajaan sebagai input dalam pembentukkan, pelaksanaan, penilaian dan semakan semula dasar awam negara.



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 415

AKTA PERANGKAAN 1965

(Disemak - 1989)

Teks ini HANYALAH TERJEMAHAN oleh Jabatan Peguam Negara, Kuala Lumpur, bagi ***Statistics Act 1965*** sebagaimana disemak dalam tahun 1989. Melainkan dan sehingga ditetapkan sebagai sahih di bawah seksyen 7 (1) Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 (Akta 32), ia bukannya perundangan.

## UNITED NATIONS FUNDAMENTAL PRINCIPLES OF OFFICIAL STATISTICS



## PELAN TRANSFORMASI JABATAN

# Selaras dengan usaha untuk merealisasikan Visi DOSM sebagai sebuah organisasi statistik yang terbilang di dunia menjelang 2020, DOSM telah merangka Pelan Strategik Jabatan (PSJ) 2010-2014 disusuli Pelan Transformasi Jabatan (PTJ) 2015-2020 yang komprehensif.

Kedua-dua pelan ini melakarkan arah tuju Jabatan dalam memenuhi keperluan agenda transformasi negara serta memenuhi ekspektasi pengguna yang semakin dinamik dan kompleks. PSJ 2010-2014 telah mencapai hampir keseluruhan sasaran yang dirancang dan lebih separuh berjaya dicapai lebih awal daripada tempoh yang ditetapkan.

PTJ 2015-2020 memberi fokus kepada empat teras strategik, merangkumi penghasilan produk dan perkhidmatan statistik yang berintegriti dan *reliable*, pengurusan sumber dan infrastruktur yang efisien, mendaya upaya bakat dan memperkasa peranan penjana statistik.

Teras strategik ini diperhalusi dengan 13 strategi, 26 program dan 81 aktiviti bagi mengukuhkan DOSM sebagai organisasi yang dinamik. Pelan transformasi ini menjadi wadah pencetus kecemerlangan dan memacu DOSM untuk bergerak seiring dengan pencapaian negara sebagai sebuah negara maju berpendapatan tinggi menjelang 2020. Seterusnya, DOSM akan menjadi organisasi statistik yang terbilang di dunia dan menjadi rujukan utama komuniti statistik global.

Peranan di peringkat global turut diberi keutamaan agar DOSM setaraf dengan agensi statistik maju negara lain dan menjadi aspirasi kepada agensi statistik serantau.



# GENERIC STATISTICAL BUSINESS PROCESS MODEL

Untuk memastikan aktiviti statistik rasmi menggunakan penanda aras global, DOSM telah mengadaptasi kerangka kerja *Generic Statistical Business Process Model* (GSBPM) yang diperkenalkan oleh *United Nations Economic Commission for Europe* (UNECE) mulai 2011.



GSBPM ini mengandungi lapan proses utama dengan 45 subproses yang merangkumi peringkat perancangan, prosesan, analisis dan penyebaran statistik rasmi.

Versi terkini yang digunapakai adalah GSBPM versi 5.0, 2013.



# MAKLUMAT KORPORAT

## VISI

Menjadi Sebuah Organisasi Statistik yang Terbilang Menjelang 2020.

## MISI

Penjana Statistik Negara yang Berintegriti dan *Reliable*.

## SLOGAN

"PENJANA STATISTIK NEGARA"

# Objektif

- Mengukuhkan dan meningkatkan perkhidmatan statistik serta sistem penyampaian.
- Memenuhi keperluan pengguna dalam persekitaran yang dinamik dan mencabar.
- Meningkatkan keupayaan penyelidikan dan analisis data.
- Menggunakan metodologi statistik dan teknologi yang terbaik secara maksimum.
- Memupuk budaya inovasi dalam penghasilan dan penyampaian produk dan perkhidmatan perangkaan
- Mempunyai sumber manusia yang kompeten dengan tahap profesionalisme yang tinggi.
- Memperluaskan penggunaan statistik di kalangan pengguna.

# Fungsi Jabatan

Di bawah Akta Perangkaan 1965 (Disemak 1989), fungsi utama DOSM ialah:

- mengumpul dan mentafsirkan perangkaan bagi tujuan pembentukan atau pelaksanaan dasar-dasar kerajaan dalam apa jua bidang yang diperlukan oleh kerajaan atau bagi memenuhi keperluan-keperluan perdagangan, perniagaan, perindustrian, pertanian dan lain-lain.
- menyebar perangkaan yang telah dikumpul atau tafsiran yang dibuat atas perangkaan yang dikumpul itu, bukan sahaja kepada agensi-agensi kerajaan, tetapi juga kepada pihak-pihak berkuasa atau orang-orang yang mana maklumat itu berguna untuk mereka.

# Dasar Kualiti

DOSM komited untuk membekalkan maklumat dan perkhidmatan statistik yang berorientasikan pengguna, bertepatan masa dan berkualiti. Ia dicapai melalui penggunaan teknik statistik dan teknologi yang terkini dan sesuai serta melalui peningkatan pengetahuan dan kemahiran anggota Jabatan di pelbagai peringkat secara berterusan.

# Piagam Pelanggan

DOSM komited memberi perkhidmatan statistik yang bertepatan masa, *reliable* dan berintegriti iaitu:

1. Memastikan statistik disebar dan dapat diakses serentak secara atas talian mengikut Kalendar Keluaran Awalan (*Advanced Release Calendar* - ARC) yang ditetapkan.

2. Memastikan prasarana eStatistik boleh diakses 24 jam sehari.

3. Memastikan permohonan data disediakan dalam tempoh yang ditetapkan mengikut ketersediaan data dan kompleksiti permintaan;
    - Data diterbitkan dalam penerbitan dan portal disediakan dalam tempoh satu hingga dua hari bekerja;
    - Data tidak diterbitkan dan perlu diekstrak dari penjadualan komputer disediakan dalam tempoh tiga hingga lima hari bekerja;
    - Data yang memerlukan pengiraan, penyusunan dan prosesan tambahan disediakan dalam tempoh dua hingga 10 hari bekerja; atau
    - Data kompleks disediakan dalam tempoh tidak melebihi 30 hari bekerja.

DOSM sentiasa memberi perhatian kepada jalinan hubungan dengan pelanggannya dalam menyampaikan perkhidmatan statistik dan memastikan:

1. Pelanggan di kaunter dilayan dalam tempoh 10 minit daripada masa ketibaan; dan

2. Pertanyaan, maklum balas dan aduan yang diterima dikendalikan dalam tempoh 7 hari bekerja.

# Nilai Teras

Dalam merealisasikan visi, misi dan objektif DOSM, semua anggota DOSM perlu menghayati dan mengamalkan nilai-nilai teras seperti berikut:

1. **Kepuasan Pelanggan**
   Memberikan layanan yang mesra dan profesional kepada pengguna perangkaan. Sentiasa peka dan prihatin kepada keperluan pelanggan dalam persekitaran yang dinamik.

2. **Profesionalisme**
   Mengamalkan profesionalisme dalam melaksanakan tugas dengan mempunyai komitmen yang tinggi, bertanggungjawab dan gigih, memiliki cir-ciri bijaksana, kreatif, inovatif, berdaya saing dan proaktif serta bertindak berdasarkan amalan statistik terbaik.

3. **Kompeten**
   Mengutamakan kompetensi dengan sentiasa berusaha meningkatkan pengetahuan dan kemahiran untuk mencapai kualiti kerja terbaik, mempelajari pelbagai kemahiran bagi membuat pelbagai tugas, peka terhadap perubahan semasa, berdisiplin, kerohanian dan berdedikasi terhadap kerja serta pembelajaran berterusan.

4. **Integriti dan Akauntabiliti**
   Melaksanakan tugas dengan penuh amanah, ikhlas dan jujur mengikut peraturan dan prosedur kerja tanpa kepentingan peribadi, memastikan kerahsiaan maklumat individu responden dan bertanggungjawab terhadap tugas yang dilaksanakan.

5. **Semangat Berpasukan**
   Penglibatan semua anggota sebagai satu pasukan.

6. **Berhemah dan Berwibawa**
   Mempamerkan sifat terpuji seperti adil dan saksama, bertimbang rasa, mesra, sabar, tegas dan konsisten dalam membuat keputusan, dapat menyesuaikan diri dalam semua situasi, bersedia mendengar pandangan dan teguran, dan sentiasa berketerampilan dan berbudi bahasa.

## PENGERTIAN LOGO

Jabatan Perangkaan
MALAYSIA

*"Secara keseluruhan, logo ini membawa maksud hala tuju Jabatan untuk menjadi sebuah organisasi statistik yang terbilang didunia."*

### Bulatan

Menggambarkan kesepakatan anggota Jabatan dalam mencapai visi dan misi.

### Garisan Grid Putih

Menunjukkan jaringan hubungan kerjasama bersama global.

### Anak Panah

Menunjukkan perkembangan pesat jabatan sejak penubuhannya.
Ia turut menggambarkan peranan jabatan serta kualiti data seiring dengan kehendak pengguna.

### Warna Merah

Menggambarkan ketegasan jabatan dalam menjaga kerahsiaan maklumat responden.

### Warna Jingga (oren)

*Energetic*, bersemangat dalam menjalankan tugas. Berani menyahut cabaran untuk setanding dengan agensi perangkaan lain di dunia.


KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
UNIT INTEGRITI
PROGRAM SOSIAL & PEMBANGUNAN TEKNIKAL
Bahagian Perangkaan Harga, Pendapatan & Perbelanjaan
Bahagian Perangkaan Penduduk dan Demografi
Bahagian Perangkaan Tenaga Manusia & Sosial
Bahagian Integrasi dan Pengurusan Data
Bahagian Perangkaan Pertanian dan Alam Sekitar
Bahagian Metodologi dan Penyelidikan
PROGRAM PENGURUSAN KORPORAT
Bahagian Pengurusan Maklumat
Bahagian Khidmat Pengurusan
Bahagian Perangkaan Komunikasi Strategik dan Antarabangsa
Institut Latihan Statistik, Malaysia
Malaysian Bureau of Labour Statistics
PROGRAM EKONOMI
Bahagian Perangkaan Akaun Negara
Bahagian Perangkaan Perkhidmatan
Bahagian Perangkaan Perdagangan Antarabangsa
Bahagian Perangkaan Pengeluaran Industri & Binaan
Bahagian Perangkaan Imbangan Pembayaran
Bahagian Petunjuk Ekonomi
JABATAN PERANGKAAN NEGERI
Johor
Kluang
Muar
Kedah
Langkawi
Sungai Petani
Kelantan
Kuala Krai
Melaka
Negeri Sembilan
Pahang
Bentong
Temerloh
Perak
Taiping
Teluk Intan
Perlis
Pulau Pinang
Seberang Prai
Sabah
Keningau
Kota Marudu
Lahad Datu
Sandakan
Tawau
Sarawak
Bintulu
Kapit
Limbang
Miri
Sarikei
Sibu
Sri Aman
Selangor
Gombak
Kajang
Terengganu
Besut
Kerteh
Wilayah Persekutuan
Labuan
Putrajaya

# LOKASI

## IBU PEJABAT, INSTITUT LATIHAN
## PEJABAT CAWANGAN NEGERI




### IBU PEJABAT DAN INSTITUT LATIHAN

1 ▸ Ibu pejabat (Putrajaya) Jabatan Perangkaan Malaysia
2 ▸ Ibu Pejabat (Wisma Minlon) Jabatan Perangkaan Malaysia, Serdang, Selangor.
3 ▸ Institut Latihan Statistik Malaysia, Sungkai, Perak

### JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA NEGERI JOHOR

4 ▸ Pejabat Negeri, Johor Bharu
5 ▸ Pejabat Operasi Kluang
6 ▸ Pejabat Operasi Muar

### JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA NEGERI KEDAH

7 ▸ Pejabat Negeri, Alor Setar
8 ▸ Pejabat Operasi Langkawi
9 ▸ Pejabat Operasi Sungai Petani

### JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA NEGERI KELANTAN

10 ▸ Pejabat Negeri, Kota Bharu
11 ▸ Pejabat Operasi Kuala Krai

### JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA NEGERI SEMBILAN

12 ▸ Pejabat Negeri, Seremban

### JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA NEGERI PAHANG

13 ▸ Pejabat Negeri, Kuantan
14 ▸ Pejabat Operasi Bentong
15 ▸ Pejabat Operasi Temerloh

### JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA NEGERI PULAU PINANG

16 ▸ Pejabat Negeri, Pulau Pinang
17 ▸ Pejabat Operasi Seberang Prai




### JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA NEGERI PERAK

**18** Pejabat Negeri, Ipoh
**19** Pejabat Operasi Taiping
**20** Pejabat Operasi Teluk Intan

### JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA NEGERI PERLIS

**21** Pejabat Negeri, Kangar

### JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA NEGERI SELANGOR

**22** Pejabat Negeri, Shah Alam
**23** Pejabat Operasi Gombak
**24** Pejabat Operasi Kajang

### JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA NEGERI TERENGGANU

**25** Pejabat Negeri, Kuala Terengganu
**26** Pejabat Operasi Besut
**27** Pejabat Operasi Kerteh

### JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA NEGERI SABAH

**28** Pejabat Negeri, Kota Kinabalu
**29** Pejabat Operasi Keningau
**30** Pejabat Operasi Kota Marudu
**31** Pejabat Operasi Sandakan
**32** Pejabat Operasi Lahad Datu
**33** Pejabat Operasi Tawau

### JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA NEGERI SARAWAK

**34** Pejabat Negeri, Kuching
**35** Pejabat Operasi Miri
**36** Pejabat Operasi Bintulu
**37** Pejabat Operasi Kapit
**38** Pejabat Operasi Limbang
**39** Pejabat Operasi Sarikei
**40** Pejabat Operasi Sibu
**41** Pejabat Operasi Sri Aman

### JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA WILAYAH PERSEKUTUAN

**42** Pejabat Negeri, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
**43** Pejabat Operasi Wilayah Persekutuan Labuan
**44** Pejabat Operasi Wilayah Persekutuan Putrajaya

# ORGANISASI DOSM

Pada masa kini, DOSM beroperasi melalui tiga program iaitu Program Pengurusan Korporat, Program Sosial & Pembangunan Teknikal dan Program Ekonomi yang meliputi 16 bahagian di ibu pejabat, 14 JP Negeri dan 28 pejabat operasi di seluruh Malaysia.

## Pengurusan



**Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin**
Ketua Perangkawan Malaysia



**Tuan Haji Azahari Mohd Raslan**
Timbalan Ketua Perangkawan
Program Ekonomi



**Puan Nazaria Baharudin**
Timbalan Ketua Perangkawan
Program Sosial dan Pembangunan Teknikal

## *Malaysian Bureau of Labour Statistics*



**Puan Siti Asiah Ahmad**
Ketua Core Team

## Program Ekonomi



**Encik Abd. Latib Talib**
Pengarah Kanan
Bahagian Perangkaan Akaun Negara



**Encik Zainuddin Ahmad**
Pengarah Kanan
Bahagian Perangkaan Perkhidmatan



**Puan Tan Bee Bee**
Pengarah
Bahagian Perangkaan Perdagangan Antarabangsa



**Puan Jamaliah Jaafar**
Pengarah
Bahagian Perangkaan Pengeluaran Industri Dan Binaan



**Cik Kanageswary Ramasamy**
Pengarah
Bahagian Perangkaan Imbangan Pembayaran



**Puan Jamia Aznita Jamal**
Pengarah
Bahagian Petunjuk Ekonomi

## Program Sosial dan Pembangunan Teknikal



**Tuan Haji Ibrahim Jantan**
Pengarah Kanan
Bahagian Perangkaan Harga, Pendapatan Dan Perbelanjaan

Pengarah Kanan
Bahagian Perangkaan Penduduk Dan Demografi



**Datin Rozita Talha**
Pengarah
Bahagian Perangkaan Tenaga Manusia Dan Sosial



**Puan Siti Haslinda Mohd Din**
Pengarah
Bahagian Integrasi Dan Pengurusan Data



**Puan Roslawati Yahya**
Pengarah
Bahagian Perangkaan Pertanian Dan Alam Sekitar



**Puan Riyanti Saari**
Pengarah
Bahagian Metodologi Dan Penyelidikan

## Program Pengurusan Korporat



**Encik Mustafa Abdullah**
Pengarah Kanan
Bahagian Pengurusan Maklumat



**Encik Saifuzzaman Abdul Manan**
Pengarah
Bahagian Khidmat Pengurusan



**Puan Norzalelawati Ahmad**
Pengarah
Bahagian Perangkaan Komunikasi Strategik Dan Antarabangsa



**Encik Mohd Ridauddin Masud**
Pengarah
Institut Latihan Statistik Malaysia

## DOSM Negeri



**Puan Norhayati Jantan**
Pengarah DOSM Negeri Sabah



**Encik Fazrul Azlan Othman**
Pengarah DOSM Negeri Sarawak



**Encik Wan Mohd Sharulnizam Wan Mohd Najuri**
Pengarah DOSM Negeri Johor



**Encik Muhammad Amri Idris**
Pengarah DOSM Negeri Selangor



**Puan Norfariza Hanim Kasim**
Pengarah DOSM Wilayah Persekutuan



**Puan Rafliza Ramli**
Pengarah DOSM Negeri Perak



**Encik Mohd Suhaimi Mohd Yunus**
Pengarah DOSM Negeri Pulau Pinang



**Encik Ab. Rahman Mohamad**
Pengarah DOSM Negeri Melaka



**Encik Zuraidy Hj. Zainal Abidin**
Pengarah DOSM Negeri Kelantan



**Puan Suzana Abu Bakar**
Pengarah DOSM Negeri Kedah



**Puan Hartini Yaacob**
Pengarah DOSM Negeri Sembilan



**Puan Siti Zakiah Muhammad Isa**
Pengarah DOSM Negeri Pahang



**Encik Sharuddin Shafie**
Pengarah DOSM Negeri Terengganu



**Encik Mohamad Hamizan Abdullah**
Pengarah DOSM Negeri Perlis

# KEWANGAN

**Perbelanjaan Mengurus**

Peruntukan berjumlah RM 177,766,533.00 bagi Peruntukan Mengurus telah diluluskan pada tahun 2017. Daripada jumlah tersebut, lebih RM 172 juta atau 97.83% telah dibelanjakan.






| Dasar | Peruntukan Diluluskan RM | Peruntukan Kemaskini RM | Perbelanjaan RM |
|---|---|---|---|
| Dasar Sedia Ada | 177,636,600.00 | 176,290,935.00 | 172,499,421.27 |
| Program Khusus Bertugas ke Luar Negara | 129,933.00 | 208,797.00 | 176,657.80 |
| **Jumlah** | **177,766,533.00** | **176,499,732.00** | **172,676,079.07** |



**Dasar Sedia Ada**

**97.85%**



**Program Khusus Bertugas ke Luar Negara**

**84.61%**

**Perbelanjaan Projek Pembangunan**

Peruntukan Projek Pembangunan yang diluluskan pada tahun 2017 adalah RM54,897,000.00 dan sebanyak RM 40,911,176.55 atau 97.98% telah dibelanjakan.

| Projek RMKe-10 | Peruntukan Diluluskan RM | Peruntukan Kemaskini RM | Perbelanjaan RM |
|---|---|---|---|
| Penyiasatan Pendapatan & Perbelanjaan Isi Rumah/ Kemudahan Asas 2016/2017 | 19,000,000.00 | 18,845,597.00 | 18,122,876.06 |
| Banci Ekonomi / Perusahaan Kecil dan Sederhana | 5,000,000.00 | 4,881,183.00 | 4,866,851.27 |
| Smart NEWSS Fasa IV (Pengkomputeran Jabatan Perangkaan Malaysia) | 15,897,000.00 | 11,702,956.17 | 11,626,793.05 |
| Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 | 15,000,000.00 | 6,326,589.00 | 6,294,656.17 |
| **Jumlah** | **54,897,000.00** | **41,756,325.17** | **40,911,176.55** |

**Penyiasatan Pendapatan & Perbelanjaan Isi Rumah/ Kemudahan Asas 2016/2017**
**96.17%**

**Banci Ekonomi / Perusahaan Kecil dan Sederhana**
**99.71%**

**Smart NEWSS Fasa IV (Pengkomputeran Jabatan Perangkaan Malaysia)**
**99.35%**

**Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020**
**99.50%**

Jabatan Perangkaan
MALAYSIA

# Aktiviti Utama DOSM



# DATA

## DATA PRIMER: BANCI DAN PENYIASATAN

DOSM bertanggungjawab memungut, mentafsir dan menyebar statistik yang bertepatan masa dan terkini untuk memantau prestasi ekonomi dan pembangunan sosial negara. Bagi melaksanakan tugas tersebut, DOSM menjalankan pelbagai penyiasatan dan banci terutama dalam bidang ekonomi dan sosial.

## DATA SEKUNDER

Penggunaan data sekunder merupakan salah satu kaedah pengumpulan data yang digunakan oleh DOSM. Data sekunder diperoleh daripada rekod pentadbiran yang terdapat di beberapa agensi kerajaan. Data ini kemudian disusun dan diterbitkan oleh DOSM.

Hasil daripada pelaksanaan banci dan penyiasatan serta penyusunan data sekunder ini, DOSM telah menerbitkan 317 penerbitan dan keluaran untuk umum sepanjang tahun 2017 Daripada jumlah tersebut, terdapat 68 penerbitan baharu.

| Kategori | Bilangan Penerbitan dan Keluaran | |
|---|---|---|
| | Keseluruhan | Baharu |
| Bulanan | 181 | 4 |
| Suku Tahunan | 38 | 4 |
| Tahunan | 33 | 0 |
| *Adhoc* dan lain-lain | 65 | 60 |
| **JUMLAH** | **317** | **68** |



# RANGKA STATISTIK

## *Malaysian Statistical Address Register*

*Malaysian Statistical Address Register* (MSAR) merupakan pangkalan data tempat kediaman (TK) yang dibangunkan oleh DOSM bagi menyokong pelaksanaan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020.

Senarai blok penghitungan (BP) dan TK dikemaskini melalui sistem bersepadu dalam talian yang dikenali sebagai Sistem Rangka Isi Rumah di bawah platform *National Enterprise Wide Statistical Systems* (NEWSS). Sistem ini memainkan peranan utama dalam pengeluaran statistik isi rumah dan juga merupakan sumber rangka utama banci dan survei isi rumah yang dilaksanakan di DOSM. Sehingga Disember 2017, bilangan BP dan TK di Malaysia adalah 82,931 BP dan 8,022,870 TK.







## *Malaysian Statistical Business Register*

*Malaysia Statistical Business Register* (MSBR) merupakan senarai komprehensif pertubuhan perniagaan dan syarikat yang beroperasi di Malaysia. MSBR adalah sistem bersepadu dalam talian di bawah platform NEWSS. Ia membolehkan pengemaskinian rangka pertubuhan dilakukan secara atas talian. MSBR berperanan sebagai sumber rangka untuk banci dan survei ekonomi yang dilaksanakan di DOSM.

Sehingga Disember 2017, bilangan pertubuhan aktif di Malaysia adalah 1,183,124 pertubuhan aktif.



# KONSULTANSI/ RUNDINGAN TEKNIKAL

Sebanyak 77 konsultansi/ rundingan teknikal telah diberikan kepada agensi awam, pihak swasta, universiti dan organisasi statistik negara lain bagi tahun 2017.

Rundingan teknikal terdiri daripada kaedah pensampelan, metodologi kajian, kod dan klasifikasi, pembekalan senarai rangka dan pemilihan sampel. Penglibatan DOSM dalam memberikan khidmat nasihat ini dapat membantu agensi tersebut dalam melaksanakan kajian yang dilaksanakan serta penghasilan indikator baru yang diperlukan.

Jabatan Perangkaan
MALAYSIA

# Pencapaian Signifikan 2017



# PENERBITAN

## KELUARAN STATISTIK BAHARU

Sebanyak 68 penerbitan statistik baharu telah dikeluarkan sepanjang tahun 2017 meliputi:

- **15 Mei 2017**
  **Indeks Harga Pengeluar Perkhidmatan**
- **20 Jun 2017**
  **Banci Ekonomi 2016**
- **15 Ogos 2017**
  ***Malaysia in Figures***
- **9 Oktober 2017**
  **Laporan Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas**
- **17 Oktober 2017**
  - **Statistik Affiliate Malaysia di Luar Negeri**
  - **Statistik Pelaburan Langsung Malaysia di Luar Negeri**
- **20 November 2017**
  **Matriks Perakaunan Sosial**
- **27 November 2017**
  **Produktiviti Buruh**
- **6 Disember 2017**
  **Statistik Pemerkasaan Wanita dalam Domain Terpilih, Malaysia**

## INDEKS HARGA PENGELUAR PERKHIDMATAN

Laporan Indeks Harga Pengeluar Perkhidmatan (IHPrP) mengandungi petunjuk jangka pendek bagi mengukur purata perubahan harga secara suku tahunan yang dikenakan oleh industri pekhidmatan tempatan di Malaysia. Selain itu, IHPrP juga berperanan sebagai deflator dalam penyusunan Indeks Perkhidmatan dan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK).




Penerbitan IHPrP telah dilancarkan pada 15 Mei 2017 di Dewan Anggerik, DOSM Putrajaya oleh YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia.





## BANCI EKONOMI 2016

Sebanyak 44 penerbitan Banci Ekonomi telah diterbitkan sepanjang tahun 2017. Penerbitan ini memaparkan perangkaan yang diperoleh daripada Banci Ekonomi 2016 bagi tahun rujukan 2015. Data utama yang berkaitan dengan nilai output kasar, nilai input perantaraan, nilai ditambah, bilangan pekerja, gaji & upah dan nilai harta tetap dilaporkan dalam penerbitan ini.

Produk baharu bagi penerbitan ini adalah Banci Ekonomi:

a) Kewangan
b) Penggunaan ICT oleh Perniagaan dan e-Dagang
c) Profil Perusahaan Kecil dan Sederhana
d) Statistik Halal
e) Statistik Milikan Wanita
f) Statistik MyState
g) Statistik Pekerja dan Gaji & Upah
h) Statistik Pertubuhan
i) Statistik Pertubuhan Milikan Asing







Majlis Pembentangan dan Sidang Media Statistik Banci Ekonomi 2016 telah diadakan pada 20 Jun 2017 di Menara SSM, Kuala Lumpur. Diikuti dengan Majlis Pelancaran Parameter Banci Ekonomi 2016 oleh YB Senator Dato' Sri Devamany S. Krishnasamy, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri pada 25 September 2017 di ILSM, Sungkai, Perak dan Majlis *Soft Launch* Penerbitan Banci Ekonomi bertempat di DOSM, Putrajaya pada 22 Disember 2017.









## *MALAYSIA IN FIGURES* 2017



Penerbitan *Malaysia in Figure* 2017 yang bertemakan *Citizen Centric Statistics* merupakan penerbitan yang julung kali dikeluarkan. Penerbitan ini membentangkan statistik ekonomi dan sosial/demografi bulanan, suku tahunan dan tahunan terkini. Penerbitan ini mengandungi statistik yang disusun mengikut tema. Ia merupakan sumber rujukan tentang ekonomi dan sosial/demografi Malaysia secara mudah dan menyeluruh.

Majlis Pelancaran *Malaysia in Figures* 2017 telah disempurnakan oleh YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdul Rahman Dahlan pada 15 Ogos 2017 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya.











# LAPORAN PENYIASATAN PENDAPATAN ISI RUMAH DAN KEMUDAHAN ASAS 2016

Laporan Penyiasatan Pendapatan dan Perbelanjaan Isi Rumah 2016 membentangkan statistik mengenai taburan pendapatan isi rumah, insiden kemiskinan dan kemudahan asas terpilih mengikut negeri dan daerah pentadbiran serta merupakan analisis lanjutan kepada Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas 2016. Penerbitan ini adalah selaras dengan keperluan semasa pengguna yang memerlukan *small area statistics*.

Statistik Pendapatan dan Perbelanjaan Isi Rumah 2016 telah dilancarkan oleh YBhg. Dato' Nik Azman Nik Abdul Majid, Ketua Pengarah Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri pada 9 Oktober 2017 di DOSM, Putrajaya.









## Statistik Pelaburan Langsung Malaysia di Luar Negeri 2016

Penerbitan ini memaparkan Statistik Pelaburan Langsung Malaysia di Luar Negeri bagi tahun 2010 hingga 2016 mengikut sektor dan negara. Penerbitan ini telah disusun secara tahunan dan menyediakan statistik berkaitan pelaburan dalam bentuk instrumen kewangan iaitu ekuiti & dana pelaburan saham dan instrumen hutang.

## Statistik Affiliate Malaysia di Luar Negeri 2015

Penerbitan ini memaparkan Statistik Affiliate Malaysia di Luar Negeri yang beroperasi di luar negeri bagi tahun 2010 hingga 2015. Ia merangkumi statistik berkaitan bilangan affiliate, perolehan, bilangan pekerja, pampasan pekerja dan aset mengikut jenis aktiviti ekonomi dan negara.

Statistik Pelaburan Langsung Malaysia di Luar Negeri 2016 dan Statistik Affiliate Malaysia di Luar Negeri 2015 telah dilancarkan buat pertama kalinya pada 17 Oktober 2017 oleh Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidir di DOSM Putrajaya.













## Matriks Perakaunan Sosial 2014

Penerbitan ini menyediakan integrasi statistik ekonomi dan sosial di Malaysia bagi tahun 2014 yang bertemakan agihan pendapatan. Data dipersembahkan dalam rangka kerja yang komprehensif bagi aliran pendapatan dan perbelanjaan di antara institusi yang merangkumi isi rumah, perbadanan kewangan & bukan kewangan, kerajaan dan negara lain di dunia.

Penerbitan Matriks Perakaunan Sosial 2014 telah diterbitkan secara umum buat julung kalinya dan dilancarkan oleh YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia pada 20 November 2017 di DOSM, Putrajaya.




## Statistik Pemerkasaan Wanita dalam Domain Terpilih, Malaysia 2017

Ini merupakan penerbitan tahunan yang memaparkan statistik gender Malaysia bagi tahun 2014 hingga 2016. Statistik ini memberi fokus kepada set teras indikator gender yang merangkumi lapan domain utama iaitu struktur ekonomi, penyertaan dalam aktiviti produktif & akses kepada sumber, pendidikan, kesihatan & perkhidmatan berkaitan,kehidupan awam & pembuat keputusan, hak asasi wanita & kanak-kanak perempuan, perlindungan sosial, pengurangan risiko bencana, dan keamanan & keselamatan.

Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Suriani Ahmad telah menyempurnakan Majlis Pelancaran Statistik Pemerkasaan Wanita dalam Domain Terpilih, Malaysia 2017 pada 6 Disember 2017 di Pejabat Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Putrajaya.








## Produktiviti Buruh

Penerbitan ini memaparkan statistik produktiviti buruh di Malaysia mengikut industri. Konsep produktiviti yang digunakan adalah nisbah antara nilai ditambah dan bilangan pekerja. Penerbitan Produktiviti Buruh memuatkan statistik produktiviti buruh suku tahunan dari suku tahun pertama 2015 hingga suku ketiga 2017 dan produktiviti buruh tahunan bagi tahun 2010 hingga 2016.

Produktiviti Buruh 2017 telah dilancarkan pada 27 November 2017 oleh Perdana Menteri Malaysia, YAB. Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak di Parlimen.

# PERISTIWA




## Hari Statistik Negara

Pada tahun 2017, kerajaan telah mengiktiraf tarikh 20 Oktober sebagai Hari Statistik Negara dan sambutan bagi hari tersebut akan diadakan secara tahunan selari dengan sambutan di peringkat global. Pengiktirafan tersebut telah melakar sejarah dan menjadi kebanggaan buat warga DOSM.

Buat julung kalinya sambutan Hari Statistik Negara telah diadakan di Universiti Kebangsaan Malaysia pada 20 Oktober 2017. Sambutan kali ini melibatkan kehadiran pelbagai agensi kerajaan dan swasta, penyelidik, pelajar dan komuniti. Sesi Dialog TN50: Memperkasa Statistik ke Arah TN50 merupakan agenda sambutan program ini.











50
Transformasi Nasional 2050
DIALOG TN50










UKM
BE THE
HARI STATISTIK NEGARA (MyStats Day) 2017
Universiti Kebangsaan Malaysia
www.ukm.my


HARI STATISTIK NEGARA



# PROGRAM SAMBUTAN HARI STATISTIK NEGARA 2017

Selaras dengan objektif sambutan untuk mengiktiraf kepentingan statistik dalam dalam membentuk masyarakat, pelbagai aktiviti bersama dengan komuniti telah diadakan di seluruh negara dan di peringkat negeri sepanjang bulan Oktober.



**21 Oktober 2017**
*Stats ASEAN Run*



**23-26 Oktober**
2017 Mini Karnival Statistik



**28–29 November 2017**
*Malaysia Statistics Conference* (MyStats)

## Program Sambutan oleh DOSM Negeri Oktober – November 2017

**Johor**
*Statistics Talk*

**Kedah**
Pameran dan Pengemaskinian Maklumat Isi Rumah bagi Persediaan Banci Penduduk dan Perumahan 2020
*Statistics Talk*

**Kelantan**
*Statistics Talk*
Pameran
FitDOSM

**Melaka**
Pameran *MyStats Day*
*Statistics Talk*
Pameran

**Negeri Sembilan**
*Statistics Talk* kepada JKKK
FitDOSM

**Pahang**
*Statistics Talk*
Sambutan Hari Statistik Negara bersama Hari Intergriti
Pameran

**Perak**
Ceramah Agama
Senamrobik
Pameran dan Jualan
Pertandingan Mewarna
*Statistics Talk*

**Perlis**
Statistik Masuk Kampung
Pameran Statistik

**Pulau Pinang**
Program Merakyatkan Statistik
Pameran
Sesi Interaktif bersama JKKK dan JPP

**Sabah**
*Statistics Talk*
FitDOSM

**Selangor**
Pertandingan Melukis Poster
Sahabat Stats bersama Komuniti
Bual Bicara sempena Hari Statistik Negara
*A Day with Statistics*
Forum Statistik Pendapatan dan Perbelanjaan
Ses Literasi Statistik Bersama Komuniti

**Sarawak**
Program *Outreach*
Pameran
*Indoor Games*
Perhimpunan
Zumba

**Terengganu**
Pameran

**Wilayah Persekutuan**
Sesi Literasi bersama Komuniti
Pameran Statistik


JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA NEGERI KELANTAN
PROGRAM LITERASI STATISTIK
SEMPENA HARI STATISTIK NEGARA 2017




SESI LITERASI STATISTIK
bersama
JAWATANKUASA KESELAMATAN DAN KEMAJUAN KAMPUNG (JKK
#MOH BUGHAK STATISTIK #
2017
10 OKTOBER 2017 (SELASA)
DEWAN BESAR PEJABAT TANAH & DAERAH JEMPOL
BANDAR SERI JEMPOL
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
NEGERI SEMBILAN






DOSM SELANGOR
HARI STATISTIK NEGARA
www.dosm.gov.my




Selamat Datang Ke Jabatan Perangkaan Malaysia
BANCI PENDUDUK DAN PERUMAHAN MALAYSIA 2020
#MyCensus2020
MyStats Day
20 OKTOBER
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA NEGERI JOHOR
"Penjana Statistik Negara"



## Perasmian Institut Latihan Statistik Malaysia

DYMM Paduka Seri Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah berkenan merasmikan Institut Latihan Statistik Malaysia (ILSM) di Sungkai, Perak pada 7 September 2017.

Sultan Nazrin Shah bertitah, tiga faktor amat perlu dihormati untuk membolehkan statistik berupaya berperanan sebagai instrumen yang benar-benar dapat membantu, demi memastikan perancangan dapat dirangka secara tepat dan betul, agar tidak akan mencetuskan masalah kepada para pelaksana iaitu:

- Pertama, statistik hendaklah dikumpul secara menyeluruh dan komprehensif;
- Kedua, statistik dibentangkan secara konsisten setelah disemak ketepatan dan kesahihan data dengan teliti; dan
- Ketiga, statistik ditafsiri secara objektif dan jujur tanpa bersifat selektif dan tanpa sebarang prejudis.

Titah baginda, pencapaian sosio-ekonomi sesebuah negara dapat dinilai dan dipantau melalui statistik dan dijadikan rujukan untuk memandu kerajaan ketika merangka pelbagai rancangan pembangunan.

DYMM Raja Permaisuri Perak, Tuanku Zara Salim, Raja Muda Perak, Raja Jaafar Raja Muda Musa, Raja Dihilir Perak, Raja Iskandar Dzulkarnain Sultan Idris Shah dan Raja Puan Muda Perak, Tunku Soraya Sultan Abdul Halim turut berkenan berangkat ke majlis ini.

Hadir sama Menteri Besar Perak, YAB Dato' Seri Diraja Dr Zambry Bin Abd Kadir, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Senator Datuk Seri SK Devamany dan Ketua Perangkawan Malaysia, YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin.
















PENERAJU



## Sesi penyerahan penganjuran Kongres Statistik Antarabangsa semasa 61st ISI WSC di Marrakech, Morrocco

Dalam usaha mempersiapkan Malaysia sebagai tuan rumah *International Statistical Institute World Statistics Congress* (ISI WSC) 2019, sesi penyerahan penganjuran Kongres Statistik Antarabangsa telah disempurnakan semasa 61st ISI WSC di Marrakech, Morrocco pada 21 Julai 2017.

Pada kongres di Marrakech ini, Malaysia juga telah melakar sejarah di mana Ketua Perangkawan Malaysia, YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin telah dilantik sebagai Exco bagi International Association for Official Statistics yang merupakan badan statistik yang berprestij di peringkat antarabangsa. Badan ini turut dianggotai oleh 12 negara terpilih termasuk Amerika Syarikat, United Kingdom, Netherlands, Australia dan New Zealand.



## Mesyuarat Persediaan ISI WSC 2019, KLCC

Mesyuarat Persediaan ISI WSC 2019 telah diadakan pada 27 hingga 28 November 2017 di KLCC dengan melibatkan kesemua ahli jawatankuasa yang terlibat dalam penganjuran kongres ini.

Mesyuarat tersebut telah dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia merangkap Pengerusi *National Organising Committee* ISI WSC 2019 dan turut dihadiri oleh Presiden ISI, Helen McGillivray dan Pengarah ISI, Ada Van Krimpen. *Facebook* ISI WSC 2019 telah dilancarkan pada 27 November 2017.





# ANUGERAH

**Projek *Statistics Data Warehouse* (StatsDW) telah merangkul johan bagi kategori ICT bagi Anugerah Inovasi JPM Tahun 2016 sempena Hari Inovasi dan Kecemerlangan Jabatan Perdana Menteri yang telah diadakan pada 1 November 2017 di Perbadanan Putrajaya. DOSM telah menerima piala, sijil dan wang tunai bernilai RM5,000 yang disampaikan oleh Tan Sri Dr. Ali Hamsa, Ketua Setiausaha Negara.**

Selain daripada StatsDW, DOSM juga menghantar penyertaan bagi *Interactive Distributive Trade* (i-DT), Malaysia *Social Statistics System* (MySocialStats) dan *Building Material Cost Index (BCI) e-Data Collection*.

Pada majlis yang sama juga, Puan Nur Azlilyany Mok binti Abdullah dan Encik Roslan bin Nordin telah menerima Pingat Perkhidmatan Cemerlang 2016.








# DIARI DOSM 2017



**12 Januari 2017** Lawatan Akademik oleh Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
*DOSM Putrajaya*




**20 Januari 2017** Lawatan kerja ke Pusat Data Myloca Cyberjaya
*Myloca Data Center, Cyberjaya*



**27 Januari 2017** Lawatan kerja daripada YBhg. Tan Sri Othman bin Hj. Mahmood ke DOSM *Malaysia*




**3 Februari 2017** Lawatan Akademik oleh Universiti Teknologi Mara (UiTM) Johor, Kampus Segamat
*DOSM Putrajaya*



**7 Februari 2017** Majlis Sanjungan Budi Sulaman Kasih sempena Persaraan Ketua Perangkawan Malaysia
*DOSM Putrajaya*



**16 Februari 2017** Lawatan Akademik oleh Universiti Malaysia Terengganu
*DOSM Putrajaya*



**23 Februari 2017** Lawatan Misi Perundingan dari Asian Development Bank
*DOSM Putrajaya*



**3 Mac 2017** Kunjungan hormat daripada Perbadanan Kota Buku
*DOSM Putrajaya*



**6 Mac 2017** Kunjungan Hormat daripada Kementerian Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan Negeri Sarawak
*DOSM Putrajaya*



**11 Mac 2017** *Statistics Outreach Program for Bumiputera Adolescents: From School To College*
*Fakulti Sains Komputer dan Matematik, UiTM Shah Alam*



**12 Mac 2017** Lawatan Rasmi Ketua Perangkawan Malaysia ke DOSM Johor
*Menara Tabung Haji, Johor Bahru*



**14 Mac 2017** Lawatan Rasmi Ketua Perangkawan Malaysia ke Jabatan Perangkaan Malaysia, Negeri Perak
*Ipoh, Perak*



**20 hingga 23 Mac 2017** Penganjuran Mesyuarat *The Asean Community Statistical System Sub-Committee on Planning and Coordination (ACSS-SCPC), Project Steering Commitee (PSC-5)* dan Bengkel *Monitoring & Evaluation Framework*
*Hotel Dorsett dan DOSM Putrajaya*



**21 Mac 2017** Lawatan Rasmi Ketua Perangkawan Malaysia ke DOSM Selangor
*DOSM Selangor, Shah Alam*



**3 April 2017** Kunjungan Hormat daripada SME Corporation Malaysia
*DOSM Malaysia*



**5 April 2017** Majlis Penghargaan dan Persaraan Peringkat Zon Selatan Tahun 2017
*Bukit Baru, Melaka*



**14 April 2017** Kunjungan Hormat daripada Tourism Malaysia
*DOSM Putrajaya*



**14 April 2017** Lawatan Akademik oleh Persatuan COMOBISTA, UiTM
*DOSM Putrajaya*



**17 April 2017** Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang, Persaraan dan Penyampaian Watikah Perlantikan Zon Timur 2017
*Kuala Terengganu*



**5 Mei 2017** Lawatan Akademik dari Universiti Tun Hussien Onn Malaysia (UTHM)
*DOSM Putrajaya*




**11 Mei 2017** Majlis Merakyatkan Statistik Melalui Komunikasi Visual
*Hotel Pullman Lakeside, Putrajaya*



**12 Mei 2017** Bersama Pengerusi Puspanita Cawangan Kecil DOSM meraikan Hari Jururawat
*Klinik Kesihatan Presint 9 dan Presint 18, Putrajaya*



**15 Mei 2017** Majlis Pelancaran Indeks Harga Pengeluar Perkhidmatan
*DOSM Putrajaya*



**17 Mei 2017** Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman antara DOSM dan Management & Science University
*MSU, Shah Alam*



**19 Mei 2017** Lawatan Akademik daripada Asia Pacific University of Technology & Innovation
*DOSM Putrajaya*



**22 Mei 2017** Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang, Persaraan & Penyampaian Watikah *Perlantikan Zon Utara 2017*



**25 Mei 2017** Perhimpunan Khas bersama Ketua Perangkawan
*DOSM Putrajaya*



**26 Mei 2017** Taklimat Statistik Ekonomi Malaysia bagi Suku Tahun Pertama 2017
*DOSM Putrajaya*



**31 Mei 2017** Kunjungan Muhibbah Ketua Perangkawan Malaysia ke Jabatan Kastam DiRaja Malaysia
*Kompleks Kementerian Kewangan, Putrajaya*



**16 Jun 2017** Lawatan Muhibbah daripada Dekan, *School of Economic, Finance and Banking*, UUM.
*DOSM Putrajaya*



**20 Jun 2017** Majlis Pembentangan dan Sidang Media Statistik Banci Ekonomi 2016
*Menara SSM, Kuala Lumpur*



**7 Julai 2017** Lawatan Sambil Belajar oleh Jabatan Imigresen Malaysia
*DOSM Putrajaya*



**13 Julai 2017** Lawatan Sambil Belajar oleh Malaysia Digital Economy Corporation
*DOSM Putrajaya*




**16 - 21 Julai 2017** Penyerahan rasmi penganjuran ISI WSC 2019 kepada Malaysia
*Marrakech, Morocco*




**24 Julai 2017** Sesi Menyambut Watikah Penganjuran ISI *World Statistics Congress* 2019, Kuala Lumpur
*Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur*



**26 Julai 2017** Mesyuarat untuk Misi Rundingan *Asean Development Bank*
*DOSM Putrajaya*




**1 Ogos 2017** Lawatan Kerja Ketua Perangkawan Malaysia ke Jabatan Perangkaan Malaysia, Negeri Sarawak
*DOSM Sarawak*



**2 Ogos 2017** Kunjungan Muhibbah Ketua Perangkawan Malaysia ke Polis Diraja Malaysia
*Bukit Aman, Kuala Lumpur*



**7 Ogos 2017** Sesi Temuramah Ketua Perangkawan Malaysia bersama RTM untuk Segmen D-ISU, DO-IT
*DOSM Putrajaya*



**11 Ogos 2017** Sesi Perjumpaan Pegawai HLP Bersama Ketua Perangkawan Malaysia
*DOSM Putrajaya*



**14 Ogos 2017** Majlis Menandatangani MoU antara DOSM & Universiti Teknikal Malaysia
*Universiti Teknikal Malaysia, Melaka*




**15 Ogos 2017** Majlis Pelancaran *Malaysia in Figures* 2017
*Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC)*



**16 Ogos 2017** Lawatan Kerja Ketua Perangkawan Malaysia ke Jabatan Perangkaan Malaysia, Negeri Pulau Pinang
*DOSM Pulau Pinang*



**21 Ogos 2017** Taklimat Ekonomi Suku Tahun Kedua 2017
*DOSM Putrajaya*



**22 dan 23 Ogos 2017** Lawatan Kerja Ketua Perangkawan Malaysia ke Jabatan Perangkaan Malaysia, Negeri Johor
*DOSM Johor*



**22 Ogos 2017** Kunjungan Hormat daripada Encik Edi Setiawan, Badan Pusat Statistik Indonesia
*DOSM Putrajaya*



**24 Ogos 2017** Seminar Literasi Statistik bersama Komuniti Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
*Sasana Kijang, Bank Negara Malaysia*



**29 Ogos 2017** Lawatan Muhibbah *Sunway University*
*DOSM Putrajaya*




**5 September 2017** Kunjungan Hormat PLANMalaysia
*DOSM Putrajaya*



**7 September 2017** Majlis Perasmian Institut Latihan Statistik Malaysia
*Institut Latihan Statistik Malaysia, Sungkai, Perak*



**8 September 2017** Kunjungan Hormat daripada Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia
*DOSM Putrajaya*



**12 September 2017** Majlis Pelancaran Makmal StatsDigital
*DOSM Putrajaya*



**12 September 2017** Kunjungan Hormat daripada Fakulti Sains Komputer dan Matematik,
UiTM Shah Alam
*DOSM Putrajaya*



**13 September 2017** Kunjungan Muhibbah YBhg. Dato' Husni Salleh, CEO TERAJU.
*Petaling Jaya, Selangor*



**15 September 2017** Lawatan kerja daripada *International Labour Organization*
*DOSM Putrajaya*



**21 September 2017** Lawatan Kerja YB Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri ke DOSM
*DOSM Putrajaya*



**25 September 2017** Majlis Pelancaran Parameter Banci Ekonomi 2016
*ILSM, Sungkai, Perak*




**9 Oktober 2017** Majlis Pelancaran Statistik Pendapatan dan Perbelanjaan Isi Rumah 2016
*DOSM Putrajaya*



**20 Oktober 2017** Hari Statistik Negara (MyStats Day) 2017
*Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi*



**23 - 26 Oktober 2017** Mini Karnival Statistik 2017
*ILSM, Sungkai Perak*



**29 Oktober 2017** Majlis Pelancaran MyCensus 2020
*Likas, Sabah*




**31 Oktober 2017** Majlis Menandatangani MoU antara DOSM dan *Sunway University*
*Sunway University, Selangor*




**1 November 2017** Anugerah Inovasi Jabatan Perdana Menteri 2016
*Perbadanan Putrajaya*



**20 November 2017** Taklimat Statistik Ekonomi Suku Tahun Ketiga 2017
*DOSM, Putrajaya*



**22 November 2017** Majlis Jasamu Dikenang 2017
*DOSM Putrajaya*



**27 November 2017** Lawatan Akademik oleh *Degree in Statistics Club* 2017, UiTM Shah Alam
*DOSM Putrajaya*



**27 November 2017** *National Closing Workshop on SEEA*
*Hotel Pullman Lakeside, Putrajaya*



**27 November 2017** Majlis Pelancaran Produktiviti Buruh 2017
*Parlimen, Kuala Lumpur*



**28 - 29 November 2017** 5th *Malaysia Statistics Conference* (MyStats 2017)
*Sasana Kijang, Bank Negara Malaysia, Kuala Lumpur*



**30 November 2017** Kunjungan Hormat daripada Pejabat *United Nations Development Programme*
*DOSM Putrajaya*



**6 Disember 2017** Sesi Penyerahan Lagu Korporat DOSM
*DOSM Putrajaya*



**6 Disember 2017** Majlis Pelancaran Statistik Pemerkasaan Wanita Dalam Domain Terpilih, Malaysia 2017
*Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Putrajaya*



**6 Disember 2017** Lawatan Sambil Belajar oleh *Cambodia National Institute of Statistics*
*DOSM Putrajaya*



**22 Disember 2017** Majlis *Soft Launch* Penerbitan Parameter, Keseluruhan Sektor dan Portal Interaktif Banci Ekonomi 2016
*DOSM Putrajaya*

Jabatan Perangkaan
MALAYSIA

# Modal Insan dan Pembangunan Kapasiti



# PERJAWATAN

Secara keseluruhannya, Jabatan Perangkaan Malaysia dibekalkan dengan 3,187 perjawatan pada tahun 2017. Sehingga 31 Disember 2017, sebanyak 2,922 perjawatan atau 91.65% telah diisi.

Pengisian Perjawatan Mengikut Kumpulan Perjawatan

| Kumpulan | Bilangan Jawatan | Pengisian | |
|---|---|---|---|
| | | Bilangan | % |
| Pengurusan Tertinggi | 8 | 7 | 87.5 |
| Pengurusan & Professional | 423 | 368 | 86.99 |
| Sokongan | 2,756 | 2,547 | 92.42 |
| **JUMLAH** | **3,187** | **2,922** | **91.65** |




Pengisian Perjawatan Mengikut Skim Perkhidmatan

| Skim | Bilangan Jawatan | Pengisian | |
|---|---|---|---|
| | | Bilangan | % |
| Perangkaan | 2,454 | 2,280 | 92.91 |
| Gunasama | 733 | 642 | 87.59 |
| **JUMLAH** | **3,187** | **2,922** | **91.65** |




## Perjawatan Kader

Sebanyak 229 perjawatan kader perangkaan diwujudkan di pelbagai agensi kerajaan lain. Daripada jumlah tersebut, seramai 205 orang atau 89.52% pegawai perangkaan kader ditempatkan di kementerian dan jabatan persekutuan. Penempatan ini adalah berdasarkan waran perjawatan dan permohonan daripada agensi kerajaan tersebut.




## ILSM: Statistik Menjana Minda Kreatif

**VISI**
Menjadi institusi pembelajaran statistik yang unggul

**MISI**
Memperkasa pembangunan modal insan yang cemerlang melalui pembelajaran yang berkualiti dan berinovatif

Pembinaan ILSM yang dimulakan pada tahun 2009 ini telah siap sepenuhnya pada 28 Disember 2011 dan telah mula beroperasi pada 3 Januari 2012. ILSM telah dirasmikan oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah pada 7 September 2017.

ILSM memiliki keluasan melebihi 40 ekar di Sungkai, Perak yang terdiri daripada satu blok pentadbiran dan satu blok penginapan berserta kemudahan riadah.

Institut ini dilengkapi dengan enam bilik kuliah, 10 bilik sindiket, dua makmal komputer dan satu makmal bahasa. Institut ini boleh menampung seramai 150 orang peserta dalam satu masa dengan kemudahan sejumlah 100 bilik penginapan.

Sepanjang tahun 2017, ILSM telah melaksanakan 18 kursus dalaman dengan kehadiran 579 peserta.

Pecahan kursus mengikut kategori pada tahun 2017

| Kursus | Bilangan | |
|---|---|---|
| | Kursus | Peserta |
| Functional | 9 | 170 |
| ICT | 2 | 26 |
| Generic | 5 | 319 |
| Behaviour | 2 | 64 |





## KURSUS 1MTC

Sepanjang tahun 2017, ILSM telah menerima 140 permohonan untuk penggunaan fasiliti daripada pelbagai agensi kerajaan dan pihak swasta seluruh negara. Daripada jumlah permohonan tersebut, sebanyak 20 permohonan telah diterima dengan penglibatan peserta seramai 1,370 orang. Antara agensi yang terlibat adalah Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Kerja Raya dan agensi sekitar negeri Perak dan daerah Batang Padang, Perak.

Selain itu pihak MARDI juga telah mengadakan program Tanggungjawab Sosial Korporat di ILSM dengan menyerahkan anak pokok buah-buahan.






## KOLOKIUM STATISTIK

ILSM telah menganjurkan Kolokium Statistik 2017 pada 28 dan 29 September 2017 bertempat di Dewan Anggerik, Jabatan Perangkaan Malaysia, Putrajaya. Siri penganjuran tahun ini bertemakan "Memacu Generasi Analitik Ke Arah Mendepani Fenomena Statistik Global" merupakan acara dwi tahunan DOSM. Ia merupakan platform kepada pegawai-pegawai Jabatan membentangkan kertas-kertas kajian dan hasil penemuan baru.

Selain itu, program ini juga merangkumi *Plenary Session* yang menampilkan YBrs. Prof Dr. Yeah Kim Leng daripada Sunway University untuk berkongsi hasil kajian yang telah diterbitkan di peringkat dalam dan luar negara. Program yang berlangsung selama dua hari ini telah menghasilkan 16 kertas pembentangan.








## LAWATAN RASMI KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA KE DOSM NEGERI

YBhg. Dato' Sri Mohd. Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia telah mengadakan lawatan ke DOSM Negeri sepanjang tahun 2017. Tujuan lawatan ini diadakan adalah untuk melihat perkembangan kerja, berbincang mengenai aktiviti kerja penyiasatan dan menyampaikan amanat kepada warga DOSM di samping dapat beramah mesra dengan warga DOSM Negeri.









Lawatan ke DOSM Negeri 2017

| Tarikh | Negeri |
|---|---|
| 12 Mac | Johor |
| 14 Mac | Perak |
| 21 Mac | Selangor |
| 5 April | Melaka |
| 17 April | Terengganu |
| 5 Mei | Wilayah Persekutuan |
| 22 Mei | Kedah |
| 23 Mei | Perlis |
| 31 Julai | Sarawak |
| 16 Ogos | Pulau Pinang |
| 23 Ogos | Johor |
| 16 Oktober | Pahang |
| 30 Oktober | Sabah |
| 5 November | Kelantan |
| 21 November | Perak |
| 19 Disember | Negeri Sembilan |






## SESI STRATEGIK PENGURUSAN DOSM 2017

Sesi Strategik Pengurusan DOSM 2017 telah diadakan pada 18 hingga 20 September 2017 di Institut Tadbiran Awam Negara Utara (INTURA) Sungai Petani, Kedah. Sesi tersebut adalah platform bagi pengurusan tertinggi untuk membincangkan isu terkini yang berlaku di DOSM dengan lebih teliti. Seramai 92 orang peserta yang telah hadir dan terdiri daripada Gred E48 dan ke atas.

Objektif sesi strategik tersebut adalah :

i. Membincangkan hala tuju untuk memperkasakan organisasi selari dengan pemodenan proses kerja DOSM;
ii. Menyediakan satu platform percambahan idea di kalangan Pengurusan DOSM; dan
iii. Mewujudkan *value creation* pemahaman dan penggunaan statistik di kalangan Pengurusan DOSM.

## SESI *TOWN HALL* DUTA DOSM BERSAMA YBHG. KETUA PERANGKAWAN 2017



Sesi *Town Hall* Duta DOSM Bersama YBhg. Dato' Sri Ketua Perangkawan 2017 merupakan kesinambungan daripada program perjumpaan Pegawai Kader yang telah diadakan secara tahunan bermula sejak tahun 2007. Sesi tersebut telah diadakan di Kompleks Perbadanan Putrajaya pada 6 November 2017 dan telah disertai seramai 143 peserta. Program tersebut merupakan sebahagian daripada usaha dan inisiatif DOSM untuk mencerap masalah serta memberi bimbingan dan galakan kepada Pegawai Kader agar mereka mampu memberi sumbangan yang signifikan dan berkualiti secara berterusan dalam mencapai objektif Jabatan.

Jabatan Perangkaan
MALAYSIA

# Modenisasi dan Inovasi Statistik



# VISUALISASI DATA

## Interaktif Banci Ekonomi 2016

Visual interaktif ini memaparkan statistik Banci Ekonomi 2016 yang boleh diakses melalui Portal DOSM. Pengguna bebas memilih data yang dikehendaki mengikut pilihan negeri dan statistik yang disediakan. Pilihan statistik tersebut boleh dimuat turun secara percuma.







## Kapsul *System of Environmental-Economic Accounting*

Kapsul Memahami *System of Environmental-Economic Accounting* (SEEA) adalah video ringkas yang memaparkan secara ringkas kerangka SEEA dan roadmap SEEA bagi tempoh 2016 – 2020.






## Kapsul Indeks Harga Pengguna

Kapsul Indeks Harga Pengguna (IHP) adalah video pendek yang menerangkan definisi IHP, wajaran IHP serta penggunaan IHP kepada masyarakat umum. Video ini telah dimuat naik di *YouTube* bagi meningkatkan literasi masyarakat terhadap IHP.




## *International Merchandise Trade Malaysia* & ASEAN

Visual *International Merchandise Trade Malaysia* & ASEAN menunjukkan data import dan eksport perdagangan Malaysia dan negara ASEAN yang lain yang meliputi Brunei, Cambodia, Filipina, Indonesia, Lao PDR, Myanmar, Thailand dan Singapura. Pengguna boleh memilih data mengikut negara ASEAN tersebut.






# APLIKASI MUDAH ALIH

DOSM telah menyediakan statistik yang lebih interaktif dan mudah difahami melalui aplikasi mobil yang dikenali sebagai *MyLocal Stats* dan *BizCode@Stats*. *MyLocal Stats* mempamerkan statistik di peringkat daerah meliputi kependudukan, demografi dan indikator ekonomi terpilih.

*BizCode@Stats* adalah platform perkongsian aktiviti kod dan klasifikasi statistik keluaran DOSM yang dibangunkan berasaskan standard pengkelasan antarabangsa. BizCode@ Stats dibangunkan untuk memudahkan pengguna untuk mengenalpasti kod beserta keterangan secara interaktif melalui aplikasi mudah alih.

Aplikasi ini boleh dimuat turun melalui *Google Play* dan *Apple Store* dengan kata carian "DOSM" dan "*BizCode@ Stats*". Sehingga Disember 2017, seramai 500 pengguna telah memuat turun aplikasi *BizCode@Stats* dan lebih 1,200 telah memuat turun aplikasi *MyLocal Stats*.

*MyLocalStats* dan *BizCode@Stats* telah dilancarkan oleh YB Datuk Seri Abdul Rahman Dahlan Menteri di Jabatan Perdana Menteri pada 11 Mei 2017 pada Majlis Merakyatkan Statistik melalui Komunikasi Visual.

















# NATIONAL ENTERPRISE WIDE STATISTICAL SYSTEMS

## Perluasan dan Penambahbaikan Sistem Sokongan

*Team National Enterprise Wide Statistical Systems* (NEWSS) telah berjaya membangunkan sistem aplikasi secara *inhouse* sepanjang tahun 2017. Sistem yang dibangunkan adalah:




**eQIS (*Quality Improvement Survey*)** digunakan untuk mengumpul maklumat bagi mengemaskini pangkalan data Daftar Perniagaan. Sistem ini membenarkan responden yang terpilih memberi respon terus kepada jabatan.




***MyStatsACE*** dibangunkan untuk mengumpul senarai pertubuhan yang berdaftar dengan pelbagai agensi kerajaan, swasta, badan berkanun dan persatuan/kelab di Malaysia. Maklumat tersebut digunakan bagi tujuan membuat perancangan dan penggubalan dasar serta bagi pengunjuran dan analisis ekonomi oleh kerajaan, penyelidik dan pengguna lain.




***eGlossaryTK*** dibangunkan lengkap dengan definisi bagi setiap jenis tempat kediaman (TK) berserta contoh gambar untuk memudahkan DOSM Negeri mengenal pasti jenis TK dan seterusnya melaksanakan pengemaskinian rangka isi rumah.

## Sesi *Refreshment* NEWSS

Sesi *Refreshment* NEWSS telah diadakan pada 9 dan 10 Ogos 2017 di Dewan Anggerik, DOSM Putrajaya. Sesi ini bertujuan untuk mengenalpasti masalah semasa serta halatuju sistem NEWSS pada masa hadapan agar lebih releven serta mengikut perkembangan kehendak pengguna masa kini.





## Sesi *Analytics BootCamp*

Sesi *Analytics BootCamp* merupakan sesi yang julung kali diadakan oleh DOSM. Sesi ini merupakan satu kaedah untuk berkongsi pengetahuan berkenaan analitik di kalangan anggota DOSM Negeri. Objektif Sesi *Analytics BootCamp* ini adalah untuk:

i. Menerangkan berkenaan Data Management di DOSM;
ii. Memperkasa pengetahuan anggota DOSM JP Negeri dalam membuat analisis;
iii. Memperkukuhkan penggunaan StatsDW bagi modul Analitik; dan
iv. Mempromosikan Modul Analitik StatsDW dan modul lain.

Untuk sesi perintis, dua DOSM Negeri telah dipilih untuk diadakan sesi tersebut iaitu DOSM Perak (9 dan 10 November 2017) melibatkan seramai 17 orang dan DOSM Terengganu (13 hingga 15 November 2017) seramai 8 orang.



## Statistics Data Warehouse




*Statistics Data Warehouse* (StatsDW) merupakan inisiatif utama ICT yang telah dikenal pasti di dalam Pelan Strategik ICT Jabatan Perangkaan (2010-2015) untuk memelihara dan memulihara data statistik nasional dalam era digital. Projek ini dibangunkan mulai dari 1 Oktober 2014 dan telah berjaya dilancarkan secara rasminya pada 30 Jun 2016.

Sebelum melalui proses modenisasi, *data historical* dan penerbitan dikumpul dan disimpan di pangkalan data secara *silo* dan *stand alone* di Bahagian Butiran Perkara masing-masing. Ini telah memberi implikasi dari segi harvesting data yang terbatas, pengurusan data yang tidak cekap, dan data archiving yang tidak tersusun. StatsDW telah mengubah persekitaran pengurusan, keselamatan dan pengarkiban data di Jabatan dengan penggunaan teknologi moden bagi memenuhi keperluan *stakeholder*, industri dan rakyat untuk membuat keputusan berasaskan fakta.




Modul-modul StatsDW memaparkan maklumat dalam bentuk yang dinamik dan interaktif dan boleh diakses oleh semua pengguna umum secara percuma melalui portal Jabatan iaitu modul *eDatabank*, *Visualisation* dan *Time Series* serta *Location Intelligence*. Terdapat 171 dataset dan 238 penerbitan telah dimasukkan ke dalam StatsDW yang meliputi data dari subjek ekonomi dan sosial.

Modul eDataBank merupakan bank data elektronik Jabatan yang membolehkan pengguna mengakses data aggregat dan menyusun jadual serta graf mengikut keperluan mereka. Data-data ini sedia untuk dieksport dalam format fail berbeza seperti Ms.Exel dan csv. Manakala modul *Visualisation* dan *Time Series* memaparkan statistik dalam bentuk infografik yang menarik dan interaktif serta bentuk carta garis mengikut siri masa. Bagi modul *Location Intelligence* pula dibangunkan untuk memaparkan maklumat statistik berkaitan lokasi melalui peta interaktif, carta dan graf. StatsDW boleh dicapai melalui portal DOSM, www.dosm.gov.my

Manakala bagi pengguna dalaman pula, StatsDW *MyLab* dan StatsDW *Analytics* disediakan bagi tujuan analisis yang lebih terperinci menggunakan data set mikro mengikut prosedur tahap capaian yang dibenarkan. Selain dapat meningkatkan kualiti penyebaran data, StatsDW juga dapat meningkatkan keupayaan modal insan di kalangan warga Jabatan melalui peningkatan kebolehan dan kemahiran dalam *data mining* dan *data management*, memberikan khidmat konsultansi kepada pengguna data, menggalakkan budaya melakukan penyelidikan/analisis data dengan lebih mudah dan berkesan, dan ini dapat mendorong pembangunan bakat dalam menerokai bidang baru iaitu data sains.





## Makmal Pendigitalan Penerbitan DOSM

Makmal Pendigitalan Penerbitan DOSM atau dikenali sebagai *StatsDigital* adalah satu platform atau hub simpanan *softcopy* naskhah penerbitan DOSM yang lama dan baru bagi tujuan rujukan kepada anggota Jabatan dan pengguna luar.

Projek *StatsDigital* dibangunkan hasil daripada rentetan kewujudan pangkalan data penerbitan yang berskala kecil. Setelah melalui beberapa fasa perbincangan dan sesi uji cuba, jelas dilihat projek *StatsDigital* memerlukan lebih perincian daripada segi arkitektur sistem dan penggunaan teknologi (*high-end*).




Selaras dengan itu, makmal pendigitalan dibina dan dilengkapi dengan mesin pengimbas berteknologi tinggi yang mampu mengimbas pelbagai jenis tulisan dan saiz selain perisian yang pelbagai bagi tujuan suntingan dan data extraction. Nilai tambah projek bukan hanya menghasilkan penerbitan dalam bentuk *e-book* tetapi juga data yang akan diestrak daripada hasil imbasan, kemudiannya diterjemah dalam bentuk jadual (excel, csv) dan data set.

Tempoh pembangunan *StatsDigital* adalah selama 17 bulan iaitu bermula pada 22 Mei 2017 sehingga 21 Oktober 2018. Makmal StatsDigital tersebut telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin pada 12 September 2017.

## BigData Analytics

Pembangunan projek STATS *BigData Analytics* (STATSBDA) ini merangkumi tiga elemen utama iaitu *structured data*, *unstructured data* dan *sentiment analysis*. *Trade by Entreprise Characteristic* (TEC) merupakan inisiatif di bawah structured data di mana data pentadbiran yang bersaiz besar daripada Kastam Diraja Malaysia diintegrasi dengan Malaysia *Statistical Business Business Register* untuk menghasilkan statistik baru tanpa kita perlu menjalankan survei.

Bagi inisiatif *unstructured data*, *Price Intelligence* (PI) telah dilaksanakan di mana kaedah pungutan data harga untuk meningkatkan kualiti Indeks Harga Pengguna (IHP) dimodenkan dengan menggunakan teknik web scraping daripada laman web yang berkaitan.

Inisiatif ketiga iaitu *Public Maturity Assessment on Official Statistics* (PMAOS) adalah berbentuk *sentiment analysis*. Initiatif ini membolehkan Jabatan menilai sejauh mana penerimaan orang ramai terhadap statistik yang diterbitkan. Maklumat yang diperoleh daripada laman sosial seperti facebook dan twitter dapat membantu Jabatan untuk menilai sama ada perkhidmatan statistik yang disediakan memenuhi kehendak pengguna. Initiatif *Real Time News on Official Statistics* (RTOS) turut dibangunkan secara bersekali untuk menyokong modul ini.

Bagi initiatif *Real Time Business Status* (RTBS), Jabatan telah menjalinkan hubungan kerjasama strategik bersama pihak Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) melalui integrasi sistem secara atas talian di antara DOSM dan SSM yang dikenali sebagai SSM *Middleware*. Ia merupakan perkhidmatan web di mana DOSM perlu menghantar permintaan berdasarkan format yang ditetapkan untuk mendapatkan maklumat perniagaan/syarikat yang terkini.

Jabatan Perangkaan
MALAYSIA

# Komunikasi dalam Merakyatkan Statistik



# MEDIUM PENYEBARAN STATISTIK

DOSM telah menggunakan pelbagai medium komunikasi untuk menyebarkan statistik rasmi negara kepada masyarakat umum. Antaranya, mengeluarkan penerbitan dalam bentuk *hardcopy* dan muat turun percuma melalui e-Statistik yang terdapat dalam portal DOSM, penggunaan media sosial iaitu *Facebook* (*Department of Statistics*, Malaysia), *Twitter* (StatsMalaysia), *Instagram* (StatsMalaysia) dan aplikasi mobil (*Mylocal Stats* dan *Bizcode@Stats*).

Selain itu, masyarakat umum boleh memperoleh indikator utama ekonomi, penduduk dan sosial melalui perkhidmatan MySMS 15888. Malahan keluaran statistik juga disebarkan melalui *Whatsapp* dan emel kepada beberapa kumpulan sasaran seperti Menteri, Timbalan Menteri, Ketua Setiausaha, Ketua Jabatan, Timbalan Ketua Setiausaha, Timbalan Ketua Jabatan, Duta-duta, Kesatuan Sekerja serta juga kepada pengetua sekolah seluruh negara.



Penerbitan



www.dosm.gov.my



jpbkkp@stats.gov.my

StatsMalaysia

Mylocal Stats
Bizcode@Stats






## DOSM@Media Sosial

*Facebook* dan *Twitter* DOSM telah digunakan sebagai medium komunikasi statistik bermula tahun 2012. Semua produk DOSM diuar-uarkan pada hari siaran melalui *Facebook* dan *Twitter* dalam bentuk infografik dan sinopsis penemuan utama. Aktiviti-aktiviti dan majlis DOSM turut dipaparkan untuk makluman umum.

***Facebook Department of Statistics*, Malaysia**
**5,320 *likes***
**725 *posts***

***Twitter* @StatsMalaysia**
**1,448 *followers***
**453 *tweets***

***Instagram* @StatsMalaysia**
**1,448 *followers***

***MyLocal Stats* - 1,220 muat turun**
***BizCode@Stats***

Selain *Facebook*, *Twitter* dan *Instagram* kemudahan aplikasi mobil iaitu *MyLocal Stats* dan *BizCode@Stats* telah disediakan bermula tahun ini bagi lebih memudahkan dan mempercepatkan penyampaian perkhidmatan DOSM.






## Portal DOSM dan Aplikasi Atas Talian

Pada 1 Januari 2017, domain Portal rasmi DOSM telah bertukar daripada www.statistics.gov.my kepada www.dosm.gov.my selaras dengan penyeragaman dan penjenamaan semula DOSM. Sehingga 31 Disember 2017, portal ini telah dikunjungi lebih daripada 85 juta pelawat. Portal yang dilengkapi dengan pelbagai aplikasi dalam talian ini memudahkan capaian statistik oleh pengguna.

391,700 transaksi **e-Statistik** dengan 391,104 transaksi muat turun percuma penerbitan DOSM dan permintaan data




185,423 transaksi **Perangkaan Perdagangan Luar Negeri Malaysia Atas Talian**
Statistik perdagangan luar negeri (barangan) antara Malaysia dengan negara lain




100,124 transaksi ***Population Quick Info***
Siri masa data penduduk mengikut negeri, kumpulan, etnik, umur dan jantina




43,435 transaksi **e-MSIC 2008**
Carian kod industri MSIC 2008 Ver 1.0




34,044 transaksi ***Stats Data Warehouse***
Platform interaktif data siri masa melalui *eDataBank*, *Data Visualisation* dan *Location Intelligence*










32,638 transaksi **Malaysia *Informative Data Centre***
Informasi setempat data sosial dan ekonomi




16,720 transaksi **e-Atlas Sosial**
visualisasi data Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020




14,761 transaksi ***MalaysianInfo***




3,299 transaksi **Interaktif Perdagangan Edaran**
Data Banci Perdagangan Edaran 2009 dan 2014



# STATISTIK BERSAMA KOMUNITI

DOSM terus berusaha mengukuhkan kesedaran, kefahaman dan penggunaan statistik dalam kalangan pengguna dan masyarakat. Dari semasa ke semasa, DOSM telah meningkatkan bilangan dan kualiti produk dan perkhidmatan statistik agar penggunaannya dapat dibudayakan dalam membuat keputusan berasaskan bukti. Sehubungan itu, DOSM giat memperluaskan program literasi statistik kepada responden dan pengguna menerusi pelbagai medium seperti *statistics talks*, lawatan sambil belajar, pameran dan program merakyatkan statistik yang lain.











## Seminar Statistik Pemacu Kemakmuran dan Kesejahteraan Negeri: Mendepani Cabaran Masa Hadapan

DOSM buat julung kalinya telah menganjurkan Seminar Statistik Pemacu Kemakmuran dan Kesejahteraan Negeri, Mendepani Cabaran Masa Hadapan pada 25 dan 26 September 2017 bertempat di ILSM, Perak. YB Senator Dato' Sri Devamany A/L S Krishnasamy, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri telah hadir bagi menyempurnakan majlis perasmian ini.

Seramai 132 orang yang melibatkan pengurusan tertinggi dan pegawai kanan daripada Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE, JPM), Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN), Unit Penyelarasan dan Pelaksanaan (ICU) dan Wilayah Pembangunan Ekonomi, telah menyertai seminar.

Seminar ini turut mengandungi slot khas *60 Minutes Forum*: *Mylocal Stats*, Fungsi dan Peranan Menentukan Statistik di Peringkat Mikro yang melibatkan:

YBhg. Datuk Seri Seri Jebasingam Issace John
Ketua Pegawai Eksekutif
*East Coast Econimic Region* (ECER)

YBhg. Dato' Saiful Anuar bin Lebai Husain
Timbalan Ketua Pengarah (Dasar)
Unit Perancang Ekonomi

Prof. Madya Dr. Tamat bin Sarmidi
Pengerusi Pusat Pengajian Ekonomi
Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia

Encik Mohamed Nasser bin Abdul Razak
Timbalan Pengarah
Unit Perancang Ekonomi (UPEN) Negeri Perak



*Majlis Perasmian Penutup MKS 2017*

## Mini Karnival

Mini Karnival Statistik 2017 (MKS 2017) DOSM telah diadakan pada 23 hingga 26 Oktober 2017 di Institut Latihan Statistik Malaysia. Ia julung kali dianjurkan sempena dengan pengistiharan Hari Statistik Negara yang telah disambut pada 20 Oktober 2017. Objektif MKS 2017 adalah untuk merakyatkan statistik kepada komuniti.

Majlis Perasmian Penutup MKS 2017 telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia pada 26 Oktober 2017. Seramai 800 orang tetamu telah hadir bagi menjayakan MKS 2017 dan diserikan oleh maskot Kapten Danny dan Elly.

MKS 2017 telah berjaya dilaksanakan dengan sambutan yang menggalakkan daripada komuniti yang terdiri daripada pensyarah dan pelajar universiti, guru dan murid sekolah, agensi kerajaan dan swasta, Jawatankuasa Ketua Kampung, orang awam serta warga DOSM. Pelbagai aktiviti telah diadakan seperti berikut:





Sahabat Statistik




Klinik Statistik



Pameran Inovasi Sekolah



Pameran Agensi



Bicara Statistik



Bicara Islam



Sukaneka Statistik



Kursus Horizon Baharu Kumpulan Inovatif & Kreatif



Pameran Statistik



Pameran Inovasi DOSM



Pameran Robotik Sekolah



Infografik Terbaik




Bicara Inovasi



Fun Fit-DOSM



Treasure Hunt Statistik

## Sesi Literasi Statistik Bersama Komuniti

Sesi Literasi Statistik Bersama Komuniti diadakan bertujuan untuk meningkatkan kefahaman komuniti berkaitan kepentingan statistik yang berkualiti dan reliable kepada pembangunan ekonomi negara. Selain mempromosikan DOSM sebagai *national compiler*, sesi ini juga merupakan sebagai medium untuk merapatkan hubungan antara komuniti dan warga DOSM.

Sepanjang tahun 2017, sebanyak 19 sesi Literasi Statistik Bersama Komuniti telah diadakan di seluruh negara.



**25 Mei 2017**
Bangunan Persekutuan, Pulau Pinang
Sesi Interaktif bersama Agensi



**25 Julai 2017**
Kota Bharu, Kelantan
Sesi Interaktif Bersama Komuniti Statistik



**1 Ogos 2017**
Seberang Perai Utara, Pulau Pinang
Sesi Interaktif bersama Agensi



**4 Ogos 2017**
Kompleks Ujana Kewangan Wilayah Persekutuan Labuan
Sesi Peningkatan Literasi Statistik Kepada Masyarakat Wilayah Persekutuan Labuan



**24 Ogos 2017**
Sasana Kijang, Bank Negara Malaysia
Seminar Literasi Statistik Bersama Komuniti Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur



**10 September 2017**
Bandar Baru Salak Tinggi, Sepang
Program Sahabat STATS Bersama Komuniti Salak Tinggi



**18 September 2017**
Pendang, Kedah
Sesi Interaktif bersama Penghulu dan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung



**10 Oktober 2017**
Jempol, Negeri Sembilan
Sesi Literasi Statistik Bersama Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung – Moh Bughak Statistik



**14 Oktober 2017**
Jawi, Pulau Pinang
Program Merakyatkan Statistik – Bersama Menjayakan Banci Penduduk dan Perumahan 2020



**14 Oktober 2017**
Kolej Komuniti Selayang, Selangor
Program Sahabat Statistik bersama Komuniti Pejabat Operasi Gombak



**14 Oktober 2017**
Simpang Empat, Perlis
Program Statistik Masuk Kampung Bongor Kudong



**16 Oktober 2017**
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Kampus Kuantan
Seminar Literasi Statistik Bersama Komuniti: Mycensus 2020: Teras Masa Depan Negara



**23 Oktober 2017**
Sasana Kijang, Bank Negara Malaysia
Sesi Merakyatkan Statistik Bersama Komuniti Perniagaan



**30 Oktober 2017**
Batu Pahat, Johor
Program Merakyatkan Statistik bersama Warga Pejabat Daerah Batu Pahat



**31 Oktober 2017**
Bangunan Darul Ehsan, Shah Alam
Sesi Merakyatkan Statistik Melalui Komunikasi Interaktif



**31 Oktober 2017**
Gopeng, Perak
Sesi Interaktif Bersama Agensi/Ketua Masyarakat/Komuniti



**1 November 2017**
Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam
Forum Penyiasatan Pendapatan & Perbelanjaan Isi Rumah



**2 November 2017**
Dewan Jubli Perak Sultan Abdul Aziz, Shah Alam
Sesi Literasi Statistik Bersama Komuniti 2017

## Taklimat Ekonomi

Taklimat Ekonomi Suku Tahunan telah diadakan buat pertama kalinya pada tahun 2017. Sesi ini diadakan untuk menerangkan kedudukan indikator ekonomi semasa seperti Keluaran Dalam Negeri Kasar, Imbangan Pembayaran, Perdagagangan Luar Negeri dan Guna Tenaga bagi suku tahunan kepada pengguna utama DOSM, penganalisis ekonomi dan pihak media.



**Taklimat Suku Pertama**

**26 Mei 2017**









**Taklimat Suku Kedua**

**21 Ogos 2017**









**Taklimat Suku Ketiga**

**20 November 2017**







## *Statistics Talk*

Program *Statistics Talk* merupakan sesi perkongsian maklumat dan pertukaran idea berkaitan statistik, di samping memperkenalkan produk dan perkhidmatan yang disediakan oleh DOSM. Program ilmiah ini diadakan untuk warga universiti serta agensi kerajaan yang mempunyai perjanjian persefahaman (MoU) dengan DOSM

Program yang dianjurkan di tempat mereka ini bertujuan untuk meningkatkan literasi statistik dalam kalangan pengguna data DOSM dan diharapkan dapat meningkatkan kemahiran untuk menggunakan statistik rasmi negara bagi keperluan pembelajaran dan pekerjaan. Pada tahun 2017, sebanyak tujuh *Statistics Talk* telah diadakan di universiti dan agensi kerajaan.



**8 Mac 2017**
Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia
Analisis dan Penggunaan Indeks
- *Economic Indicators (Leading, Coincident & Lagging Indices)*
- *External Sectors (Malaysia External Trade Indices)*
- *Manufacturing (Index of Industrial Production)*
- *Prices (Malaysia Producer Price Index & Consumer Price Index)*



**7 Mei 2017**
Fakulti Sains, Teknologi & Pembangunan Insan, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
Program Bicara Ilmu Bersama Industri – *Seasonal Adjusment in Statistics Malaysia*




**14 Ogos 2017**
Management and Science University
Program *Malaysian Economic Symposium* – Sumbangan Sektor Perindustrian Terhadap Pertumbuhan Ekonomi Malaysia



**19 September 2017**
Universiti Putra Malaysia
*Statistics Data Warehouse*

**12 November 2017**
Fakulti Sains Teknologi, Universiti Kebangsaan Malaysia
Program Bicara *Science, Technology, Engineering and Mathematics* (STEM) – Penggunaan Statistik dalam Bidang STEM

**13 November 2017**
Faculty of Business, Multimedia University
Program Bicara Ilmu Bersama Industri – Data Mikro DOSM

**24 November 2017**
Fakulti Sains Komputer dan Matematik, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam
Data Mikro

## Lawatan Sambil Belajar

DOSM telah menerima 13 lawatan sambil belajar daripada institut pengajian tinggi (IPT) dan agensi lain ke DOSM, Putrajaya dan DOSM Negeri sepanjang tahun 2017. Lawatan seumpama ini merupakan inisiatif DOSM memperkenalkan peranan, produk dan perkhidmatan Jabatan. Ia juga menjadi salah satu platform bagi mendidik literasi statistik dalam kalangan masyarakat umum. Agensi tersebut akan mendapat penerangan lebih jelas berkaitan statistik rasmi negara serta kepentingannya kepada negara dan kehidupan.

**Lawatan Sambil Belajar oleh IPT dan Agensi**



**12 Januari 2017**
Lawatan ke DOSM, Putrajaya
Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam



**3 Februari 2017**
Lawatan ke DOSM, Putrajaya
UiTM Johor, Kampus Segamat




**16 Februari 2017**
Lawatan ke DOSM, Putrajaya
Universiti Malaysia Terengganu



**13 Mac 2017**
Lawatan ke Pejabat Operasi Muar, DOSM Johor
Universiti Monash Malaysia



**14 Mac 2017**
Lawatan ke DOSM, Sarawak
Fakulti Sains Kesihatan, Universiti Malaysia Sarawak

**24 Mac 2017**
Lawatan ke DOSM, Perak
Kolej Matrikulasi Perak



**14 April 2017**
Lawatan ke DOSM, Putrajaya
UiTM Kelantan, Kampus Kota Bharu



**5 Mei 2017**
Lawatan ke DOSM, Putrajaya
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

**19 Mei 2017**
Lawatan ke DOSM, Putrajaya
Asia Pacific University of Technology & Innovation



**7 Julai 2017**
Lawatan ke DOSM, Putrajaya
Jabatan Imigresen Malaysia



**13 Julai 2017**
Jabatan Perangkaan Malaysia, Putrajaya
Malaysia Digital Economy Corporation

**12 Oktober 2017**
Lawatan ke DOSM, Putrajaya
Universiti Putra Malaysia



**22 November 2017**
Lawatan ke DOSM, Perak
Universiti Kebangsaan Malaysia



**27 November 2017**
Lawatan ke DOSM, Putrajaya
UiTM Shah Alam

## Program bersama Sekolah

DOSM telah mengadakan kolaborasi dengan pihak sekolah dalam usaha meningkatkan literasi statistik dalam kalangan pelajar. Pada tahun 2017, sebanyak 10 aktiviti telah dilaksanakan di sekolah di seluruh Malaysia.




**12 April 2017**
Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Onn, Pulau Pinang
Program Meremajakan Statistik



**2 Ogos 2017**
Sekolah Menengah Sains Tengku Mohd Faris Petra, Pengkalan Chepa, Kelantan
Program *StatsFun*




**25 Ogos 2017**
Sekolah Rendah Kebangsaan St. Xavier, Pulau Pinang
Program Meremajakan Statistik



**22 Oktober 2017**
Sekolah Rendah Agama Bersepadu Kluang, Johor
Program Literasi Statistik



**27 Oktober 2017**
Sekolah Menengah Kebangsaan Sungai Lembing, Kuantan, Pahang
Program Bicara Statistik *Funstatistic*



**27 Oktober 2017**
SMK Ungku Aziz, Sabak Bernam
*A Day with Statistics*



**31 Oktober 2017**
Sekolah Menengah Sains Kuala Terengganu
*MyStats@School*



**31 Oktober 2017**
Sekolah Rendah Kebangsaan Bertam Perdana, Pulau Pinang
Program Meremajakan Statistik



**15 November 2017**
Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Khee Chee, Temerloh, Pahang
Program Bicara Statistik DOSM Pahang



**26 November 2017**
SMK Sultan Yahya Petra 1, Kuala Krai, Kelantan
Hari Bersama Komuniti Statistik

# LAWATAN AGENSI DAN ORGANISASI

Jabatan juga telah menerima kunjungan hormat daripada pelbagai agensi kerajaan dan organisasi. Selain itu, lawatan muhibbah juga diadakan ke agensi kerajaan dan organisasi. Tujuan program ini diadakan adalah untuk mengeratkan hubungan kerjasama antara kedua-dua agensi.




## Lawatan Kerja YBhg. Tan Sri Othman Haji Mahmood Timbalan Ketua Setiausaha Kanan, Jabatan Perdana Menteri

YBhg. Tan Sri Othman Haji Mahmood, Timbalan Ketua Setiausaha Kanan di Jabatan Perdana Menteri telah melawat DOSM, Putrajaya pada 28 Januari 2018. Lawatan kerja ini diadakan untuk mendapatkan maklumat berkaitan peranan dan perkhidmatan DOSM serta mengeratkan hubungan dengan warga DOSM.

Program ini melibatkan sesi *walkabout* ke empat lokasi iaitu Galeri Jabatan, Unit Khidmat Pengguna (BKS), Unit Sistem Maklumat Geografi (BPPD) dan Bahagian Perangkaan Perdagangan Luar Negeri. Sesi ini diteruskan dengan taklimat berkaitan DOSM, pencapaian kerja DOSM 2016 dan perancangan kerja DOSM 2017.







## Kunjungan Hormat dan Lawatan Muhibbah



**3 Mac 2017**
Kunjungan Hormat daripada Perbadanan Kota Buku



**6 Mac 2017**
Kunjungan Hormat daripada Kementerian Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan Negeri Sarawak



**3 April 2017**
Kunjungan Hormat daripada SME Corporation Malaysia



**14 April 2017**
Kunjungan Hormat daripada Kementerian Pelancongan Malaysia



**11 Mei 2017**
Lawatan Muhibbah ke Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar

**18 Mei 2017**
Kunjungan Hormat daripada Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia

**31 Mei 2017**
Kunjungan Hormat daripada Konsultan Projek *The System of Environmental-Economics Accounting*



**31 Mei 2017**
Lawatan Muhibbah ke Jabatan Kastam DiRaja Malaysia

**6 Jun 2017**
Kunjungan Hormat daripada *Malaysia Digital Economy Corporation* Sdn Bhd

**16 Jun 2017**
Kunjungan Hormat daripada Pusat Penyelidikan Keselamatan Sosial, Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran, Universiti Malaya



**16 Jun 2017**
Kunjungan Hormat daripada Dekan, *School of Economics, Finance and Banking*, Universiti Utara Malaysia



**12 Julai 2017**
Lawatan Muhibbah ke Timbalan Ketua Setiausaha Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri



**25 Julai 2017**
Kunjungan Hormat daripada Universiti Utara Malaysia



**2 Ogos 2017**
Lawatan Muhibbah ke Polis DiRaja Malaysia

**28 Ogos 2017**
Lawatan Muhibah ke *Sunway University*



**5 September 2017**
Kunjungan Hormat daripada PlanMalaysia



**8 September 2017**
Kunjungan Hormat daripada Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia

**12 September 2017**
